



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (6)

SIARAN MEDIA

INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN PERKUKUH KOMITMEN PEMULIHARAAN MARIN SEMPENA HARI BUMI 2025

PUTRAJAYA, 22 April 2025 – Sempena sambutan Hari Bumi 2025 bertemakan “Our Power, Our Planet”, Jabatan Perikanan Malaysia melalui Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) terus memperkukuh peranan strategik dalam memelihara dan memulihkan alam sekitar marin negara. Sebagai agensi penyelidikan utama dalam sektor perikanan, IPP melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak tinggi yang berteraskan sains, inovasi dan kelestarian alam sekitar. Usaha ini selari dengan komitmen Malaysia dalam menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG), khususnya berkaitan pemuliharaan ekosistem marin (SDG 14) dan tindakan iklim (SDG 13).

Antara projek unggul yang sedang dilaksanakan ialah pembinaan Taman Karang Pulau Layang-Layang oleh IPP Bintawa – taman karang buatan manusia terbesar di Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records dan dicalonkan untuk JCI Malaysia Sustainable Development Award 2025. Projek ini bukan sahaja menyumbang kepada konservasi biodiversiti marin, malah memperkukuh mekanisme penyerapan karbon semula jadi (blue carbon) melalui pembentukan struktur batu kapur oleh organisma terumbu karang.

Selain itu, IPP giat menjalankan penyelidikan berkaitan ekosistem karbon biru seperti habitat rumput laut yang berupaya mensekuester karbon dengan lebih efisien berbanding tumbuhan darat. Inisiatif pemulihan habitat rumput laut melalui teknik propagasi eks-situ di IPP Rantau Abang merupakan langkah ke hadapan dalam memastikan ekosistem ini terus menyumbang kepada mitigasi perubahan iklim secara mampan.

Dalam mendepani cabaran pencemaran dan pelepasan karbon daripada aktiviti akuakultur, IPP Gelang Patah telah membangunkan sistem rawatan efluen berasaskan media penapis biologi yang diperbuat daripada sisa cangkerang kerang. Sistem ini bukan sahaja membantu menstabilkan parameter air ternakan, tetapi turut menyerap karbon secara biologi melalui pembentukan biofilm mikroorganisma. Inovasi ini berpotensi menghasilkan bahan asas makanan ikan dan biodiesel, sekali gus menyokong prinsip ekonomi kitaran dan tenaga boleh baharu.

Selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai sifar pelepasan karbon bersih (net zero carbon emission), IPP Glami Lemi menjadi institut penyelidikan pertama di Malaysia yang melaksanakan pemasangan panel solar melalui perjanjian Perjanjian Bekalan Tenaga Solar (SARE) bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB). Dengan kapasiti penjanaan 572 kilowatt, sistem ini dijangka menjimatkan kos operasi sebanyak RM6.7 juta dalam tempoh 20 tahun, dan mencerminkan komitmen IPP terhadap penggunaan tenaga alternatif yang mesra alam.

Di samping itu, pelbagai inisiatif turut dilaksanakan oleh IPP Batu Maung melalui pemantauan kualiti air dan analisis keselamatan makanan laut seperti toksin PSP, mikroplastik dan logam berat. Kajian ini bukan sahaja melindungi kesihatan awam, tetapi juga menyediakan data saintifik bagi menyokong dasar pengurusan sumber perikanan negara yang lebih lestari.

Komitmen IPP dalam memelihara ekosistem marin turut mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila kajian mereka diiktiraf di bawah *United Nations Decade of Ocean Science for Sustainable Development 2021–2030*. Projek “*Sustainable Total Value Chain of Cockle Industry*” telah dikaitkan dengan inisiatif *Global Ocean Negative Carbon Emission (Global ONCE)* sebagai salah satu usaha memperkukuh sains untuk lautan yang kita inginkan.

“Sambutan Hari Bumi bukan sekadar simbolik, sebaliknya mencerminkan komitmen berterusan Jabatan Perikanan Malaysia dalam melindungi khazanah marin negara. Melalui Institut Penyelidikan Perikanan, jabatan ini terus menerajui usaha penyelidikan dan inovasi yang menyokong pemuliharaan ekosistem marin, memperkasa komuniti nelayan serta memastikan kelestarian sumber perikanan negara untuk generasi masa hadapan. Inilah manifestasi kuasa kolektif kita dalam memelihara masa depan bumi – *Our Power, Our Planet*,” ujar **YBhg. Dato’ Haji Adnan Hussain, Ketua Pengarah Perikanan**.

Dengan pelaksanaan berterusan program konservasi, penyelidikan saintifik dan pembangunan teknologi mesra alam, Institut Penyelidikan Perikanan kekal sebagai tonggak utama dalam usaha negara mengekalkan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Sempena sambutan Hari Bumi 2025, Jabatan Perikanan Malaysia menyeru semua pihak termasuk kerajaan, industri dan komuniti agar terus berganding bahu dalam usaha memelihara dan memulihara ekosistem marin negara demi memastikan kesejahteraan alam sekitar dan kelestarian bumi untuk generasi masa hadapan.

Pautan gambar:

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1RO-UWa8rMIYOzTAIOxPnzdm5FmmSM6O2>

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my